

UPSI melangkah ke Hadapan: Pendidikan Bertransformasi dengan Sumbangan Tablet dan Modul

Manjung, 5 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) bersama Empower NCER Akademik telah menyerahkan 200 unit tablet dan 500 set modul Tahun 6 kepada Pejabat Pendidikan Daerah Manjung untuk diagihkan kepada sekolah-sekolah di daerah Manjung dalam Rumah Terbuka Aidilfitri Madani. Sumbangan tablet dan modul ini diberikan agar dapat membantu sekolah yang memerlukan bantuan dari segi peningkatan akademik selaras dengan hasrat kerajaan dalam memperkasakan pendidikan.

Kandungan tablet tersebut telah lengkap dengan e-modul SPM bagi subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah.

Manakala, bagi Modul tahun 6 juga mengikut 5 subjek tersebut. Pengarah UCTC, Prof. Madya Dr. Mohd Azlan Nafiah berkata, sumbangan tablet dan modul ini bukanlah semata-mata barang, tetapi kemudahan kepada murid-murid sekolah untuk mengakses pengetahuan yang luas dan mendalam. Selain itu, sumbangan modul yang menjadikan pembelajaran berpusatkan murid

membolehkan murid belajar dengan kebolehan masing-masing. Ini memberi peluang kepada murid untuk melatih kemahiran sendiri dan mendorong minat terhadap pelajaran. Dengan sumbangan modul ini, pembelajaran di sekolah menjadi lebih efektif dan bermakna bagi perkembangan murid.

Dalam pada itu, Naib Canselor UPSI, Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff juga berpendapat bahawa sumbangan ini bukan hanya memberikan akses teknologi, tetapi juga memberikan kesempatan kepada setiap murid untuk mengembangkan potensi mereka secara maksimum. Dengan kerjasama dari pihak-pihak yang peduli terhadap pendidikan, kita dapat melangkah lebih jauh dalam menciptakan lingkungan belajar yang lebih merata dan inklusif bagi semua. Tindakan yang dilakukan ini selaras dengan apa yang digagaskan oleh YB Senator Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi dalam amanat yang disampaikan sempena Landasan Hala Tuju Kementerian Pengajian Tinggi. "KPT bukan hanya bertanggungjawab membangunkan bakat dalam kalangan warganya, bahkan juga mempunyai tanggungjawab besar untuk memberdayakan komuniti dan industri melalui program pemindahan dan perkongsian ilmu atau Knowledge Sharing and Transfer Programme (KSTP)," tambah beliau yang menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Madani di Dewan Merdeka, Majlis Perbandaran Manjung, Perak sekaligus merasmikan majlis tersebut.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Pelajar UPSI Bersama Komuniti Orang Asli

Slim River, 21 April- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Exco Agrikultur Majlis Mahasiswa Kolej Aminuddin Baki (MMKAB) sidang 2023/2024 dengan kerjasama Persatuan Sains Pertanian (PERSAP) UPSI telah mengadakan program gotong-royong bersama komuniti orang asli melalui penanaman pokok sebagai inisiatif konservasi alam yang bertempat di Perkampungan Orang Asli Kampung Sungai Teras, Slim River.

Program Gotong-royong Bersama Komuniti Orang Asli

merupakan program sampingan di bawah program Agriculture Naturefest yang berlangsung selama dua hari, 20-21 April yang melibatkan 30 peserta terdiri daripada barisan pimpinan dan rakan anggota MMKAB dan wakil dari PERSAP UPSI. Program Gotong-royong Bersama Komuniti Orang Asli ini bermula dengan ucapan daripada Tok Batin Kuloh Bah Rinteh dan diikuti dengan sesi taklimat daripada pengarah program, saudari Nur Alya. Kemudian, disusuli dengan aktiviti penanaman pokok di sekitar kampung hasil sumbangan daripada

PERSAP seperti pokok nona, durian dan pokok bunga matahari serta beberapa aktiviti berkumpulan bersama anak-anak di komuniti tersebut seperti sepak penalti, bowling botol dan musical chair.

Program ini disambut baik oleh pengetua, barisan pentadbiran dan felo sebagai inisiatif konservasi alam sekitar melalui memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem dan mengekang kemusnahan ekosistem.

UPSI dinobatkan Naib Johan Keseluruhan Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2024

Kota Kinabalu, 28 April- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mencapai kejayaan yang membanggakan dalam Fasa 1 Karnival Sukan MASUM 2024 yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah. Atlet-atlet UPSI telah berjaya memenangi sejumlah 11 pingat emas, 5 pingat perak, dan 10 pingat gangsa.

Pencapaian ini

telah meletakkan UPSI di kedudukan kedua dalam senarai keseluruhan 20 universiti yang bertanding. Ini merupakan satu pencapaian yang besar bagi UPSI dan mencerminkan komitmen dan dedikasi atlet-atlet kita.

Diharapkan agar kemenangan daripada Karnival Sukan MASUM Fasa 1 ini dapat menjadi

pembakar semangat bagi Atlet yang akan bertanding di Karnival Sukan MASUM Fasa 2 yang berlangsung di Universiti Malaya pada 5 Mei hingga 12 Mei 2024. Kejayaan ini bukan sahaja membawa nama UPSI tetapi juga telah meningkatkan semangat dan kebanggaan dalam kalangan komuniti UPSI.



UPSI Terus Sumbang Kepakaran Pengajaran Bersama Pensyarah Baharu Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran

Bangi, 27 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pusat Pembangunan Akademik (PPA) meneruskan kerjasama dengan Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (DQ dan LTDQ), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi tahun 2024.

Kerjasama erat yang bermula pada tahun 2015 menerusi Kursus Pensijilan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi pensyarah DQ dan LTDQ ini merupakan siri-7 dalam siri kursus

PdP UPSI-DQ. Kursus diadakan pada 6 hingga 17 Mei secara bersemuka selama 12 hari di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi. Sehingga 2023, seramai 153 pensyarah DQ dan LTDQ telah mengikuti kursus ini. Pada tahun 2022, kursus dilaksanakan secara atas talian pada 11 hingga 28 April melibatkan 44 orang peserta. Manakala, pada 13 Julai 2023, satu Majlis Penganugerahan Sijil Kursus Pembelajaran dan Pengajaran Pensyarah DQ dan LTDQ 2023 telah diadakan secara gilang gemilang di

Auditorium, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI. Majlis perasmian kursus telah disempurnakan oleh beliau turut dihadiri oleh Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UPSI, Prof. Madya Dr. Normah Jusoh; Ketua Seksyen Dasar dan Instrumentasi Darul Quran, Ustazah Roslizah Abd Latif; Ketua Seksyen Dasar dan Penyelaras Unit Kecemerlangan Akademia PPA UPSI, ChM Dr Yuhanis Mhd Bakri dan Ketua Unit Kompetensi Darul Quran, Ustaz Azizan bin Othman.

Program Warisan Ibu Kandung Suluh Budiman Bersama Masyarakat Pulau Tuba

Langkawi, 18 April- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama masyarakat Pulau Tuba sekali lagi bekerjasama melalui Program Warisan Ibu Kandung Suluh Budiman yang bertempat di Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba.

Projek ini adalah kesinambungan daripada program University for Society (U4S) yang sebelum ini telah dilaksanakan pada tahun 2020 hingga 2022 yang kini dijenamakan semula

sebagai Program IPT for Society@Keluarga Malaysia (UNiTY) Program Warisan Ibu Kandung Suluh Budiman ini adalah hasil usaha bersepadu 16 orang yang terdiri daripada mahasiswa serta kakitangan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI.

Malah aktiviti ini mendapat kerjasama daripada Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba dan Selat Berhad atau lebih dikenali Koperasi

BesTuba. Objektif utama program ini adalah menaik taraf ruang pusat sumber SK Pulau Tuba bagi memberi keselesaan kepada murid dengan menjadikan ruang bacaan ini ceria dan lebih kondusif.

Turut dilaksanakan adalah aktiviti gotong-royong pelupusan buku lama, penyusunan serta pelabelan semula buku sedia ada. UPSI telah menyerahkan bahan bacaan sebanyak 450 naskhah bernilai RM3,000 beserta dua buah rak buku.

